

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT
BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGGAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status usaha meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang telah dimulakan sebelum ini agar dapat mengangkat keupayaan IPTS di dalam negara, selari dengan usaha pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian masih menggunakan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) sedia ada. Akta ini diwujudkan bertujuan untuk penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan, dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini telah dibuat pindaan sebanyak enam (6) kali dan kali terakhir ianya dipinda adalah pada tahun 2019. Pindaan tersebut dibuat bagi memperjelaskan, memperkemaskan, dan memperkuatkan beberapa peruntukan sedia ada serta menambah peruntukan baharu untuk meningkatkan keberkesanan pengawalseliaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Pindaan Akta 555 ini membolehkan beberapa proses pengawalseliaan pengoperasian IPTS yang selama ini dilaksanakan secara pentadbiran atau menerusi keperluan dalam peraturan dapat diperjelas dan diperkuatkan.

Penambahanbaikan ke atas Peraturan-Peraturan Akta 555 sedang giat dijalankan bagi memenuhi matlamat untuk menjadikan IPTS sebagai sebuah industri lebih berdaya saing. Disamping itu, penerbitan dokumen *Way Forward For Private Higher Education Institutions (PHEIs): Education As An Industry 2020-2025* dan penubuhan Pasukan Petugas PEMUDAH IPTS amat membantu dalam menjajarkan IPTS sebagai industri yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.